

28 MAY 2002

Mahathir-Jaket

JAKET KESELAMATAN MESTI DIPAKAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kajian akan dibuat sama ada tindakan perlu diambil terhadap pihak yang tidak menguatkuasakan pemakaian jaket keselamatan dalam kejadian bot karam di Tasik Banding, Gerik awal pagi semalam.

Perdana Menteri berkata pemilik bot dimestikan menyediakan jaket keselamatan dan ia mesti dipakai oleh penumpang.

Menurutnya, arahan itu telah lama dikeluarkan.

"Selalu kita nasihat supaya orang memakai life-jacket, ini mesti dijadikan satu amalan apabila menaiki bot," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah Pusat Komuniti Bakti Bukit Kiara di sini.

Dr Mahathir mengulas laporan tiga peserta program motivasi sebuah syarikat kosmetik jualan langsung mati lemas apabila bot yang mereka naiki bersama 14 yang lain termasuk pemandu bot tenggelam di tasik itu.

Enam orang termasuk pemandu bot berjaya diselamatkan manakala usaha mencari lima yang lain yang hilang masih diteruskan.

Siasatan awal polis mendapati bot itu dipercayai terbalik kerana membawa lebih muatan selain penumpang bot dikatakan tidak memakai jaket keselamatan.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri yang tidak pandai berenang sentiasa memakai jaket keselamatan apabila menaiki bot.

"Kita tak tahu bila nak jadi bencana," katanya.

-- BERNAMA

HM MAM RHM